

BUKU PANDUAN untuk Pemimpin Komuniti



BAGAIMANA MELAKSANAKAN Projek Penyertaan Rakyat di komuniti anda

(Berdasarkan pendekatan *Gender Responsive
and Participatory Budgeting*)



Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang



PENGHARGAAN

Kami amat menghargai sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kepada Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC). Dengan sokongan merekalah projek permulaan Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRPB) dibawah PWDC telah dilaksanakan dengan jayanya sejak tahun 2012. Buku panduan ini merupakan Bahagian Satu (versi ringkas) dari Manual GRPB yang asalnya telah didrafkan oleh James Lochhead.

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Kim Khaira dan pasukan GRPB terutamanya kepada Shariza dan Fatim yang telah mendraf dan menyunting Buku Panduan ini.

K A N D U N G A N

Pembuka Kata	2
Pengenalan	3
Objektif buku panduan	4
Langkah 1: Perancangan Awal	5
Langkah 2: Pemetaan Komuniti, Mengenal Pasti dan Menyenarai Utama Keperluan Komuniti	7
Langkah 3: Pelaksanaan projek	13
Ulang semula: Proses Projek Penyertaan Rakyat (PPP)	14
Lampiran Satu: Borang Banci	15
Lampiran Dua: Kumpulan Tumpu Bincang (KTB)	18
Glosari	21
Latar belakang PWDC	23

PEMBUKA KATA

Buku panduan ini adalah untuk anda – Pemimpin Komuniti.

Buku ini memberi anda panduan langkah demi langkah bagaimana melakukan pendekatan penyertaan rakyat untuk komuniti anda. Pendekatan ini adalah untuk membantu anda mengenal pasti keperluan-keperluan berbeza kumpulan yang berlainan dalam komuniti anda – wanita, lelaki, kanak-kanak perempuan dan laki-laki. Dengan cara ini, program dan projek yang anda rancang akan mencerminkan keperluan-keperluan komuniti anda dan bajet yang diperuntukkan dapat memberi manfaat kepada mereka yang benar-benar memerlukan. Anda juga boleh meminta jabatan-jabatan kerajaan berkaitan ataupun kerajaan tempatan untuk menangani keperluan-keperluan komuniti anda yang telah dikenalpasti.

Pendekatan penyertaan rakyat akan memperkasakan komuniti anda untuk menjadi rakyat yang bertanggungjawab dan mempunyai rasa milik punya (*ownership*) untuk program serta projek yang dianjurkan dalam kawasan anda. Mereka akan menyokong inisiatif ini kerana anda telah membuka ruang bagi mereka menyuarakan keperluan-keperluan mereka dan juga mendengar cadangan-cadangan mereka dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Pendekatan penyertaan komuniti ini diambil daripada konsep *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) – Model Pulau Pinang. Model yang berorientasikan rakyat ini, yang bermula pada tahun 2012, adalah satu inisiatif yang dijalankan melalui perkongsian pintar antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang yang berpegang kepada keadilan gender dan sosial.

Kami harap Buku Panduan ini berguna untuk anda. Kami ucapkan selamat berjaya dalam bekerjasama dengan komuniti anda!

Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC)

Mac 2017

PENGENALAN KEPADA GRPB



Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRPB) merupakan satu aktiviti dan alat bagi tujuan merapatkan jurang antara komuniti, agensi dan semua peringkat kerajaan (tempatan). Prinsip-prinsip tadbir urus baik dan kesaksamaan gender (sila lihat glosari) adalah penting untuk dasar-dasar dan pembuatan bajet yang cekap dan berkesan. GRPB adalah mengenai perubahan transformatif. Ia adalah inovatif, inklusif dan menarik.

Projek Penyertaan Rakyat iaitu *People's Participatory Project* (PPP) lahir daripada program GRPB untuk menunjukkan kepentingan melibatkan masyarakat secara aktif dalam proses dasar dan bajet. Ia termasuk perbezaan antara keperluan lelaki dan wanita, kanak-kanak lelaki dan perempuan. Di samping itu

terdapat juga kumpulan lelaki dan wanita, kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berbeza. GRPB mengambil pertimbangan menyeluruh mengenai perbezaan keadaan, pengalaman, keperluan, sumbangan dan potensi kumpulan-kumpulan yang berbeza.

Tahun 2012, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menjadi negeri yang pertama di Malaysia yang melaksanakan Bajet Responsif Gender, sebagai sebahagian dari program kerajaan tempatannya. Pada 2014, program tersebut telah diberikan nama baru iaitu *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) untuk menekankan kepentingan melibatkan komuniti secara aktif dalam proses-proses dasar dan bajet. Bermula dari 2016–2018, kedua-dua majlis tempatan dengan secara seriusnya melaksanakan Pelan Tindakan Strategik bagi menginstitusikan GRPB ke dalam institusi masing-masing.

OBJEKTIF BUKU PANDUAN

Buku Panduan Projek Penyertaan Rakyat untuk Pemimpin Komuniti ini adalah versi ringkas Bahagian Satu dalam manual 'Bagaimana melaksanakan *Gender Responsive and Participatory Budgeting* bersama Komuniti dan Merancang Ruang Kemudahan Awam'. Kedua-dua manual telah didraf dan diterbitkan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), selaku agensi pelaksana GRPB, dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Pihak Berkuasa tempatan di Pulau Pinang – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Objektif buku panduan ini ialah untuk memberi pendekatan dan panduan langkah demi langkah tentang bagaimana untuk melaksanakan PPP dalam komuniti. Buku Panduan ini bertujuan menyokong anda, sebagai pemimpin komuniti, untuk meneliti hal-hal dan isu tertentu yang patut dipertimbangkan dalam merancang dan melaksanakan program atau projek dengan komuniti anda. Sila baca semua kandungan buku panduan ini sebelum memulakan sesuatu projek bagi memahami konsep dan proses pelaksanaannya.



GRPB menggalakkan tadbir urus yang baik, mengiktiraf kepelbagaian dan mendukung prinsip keterangkuman (inklusif), keadilan sosial, ketelusan, kebertanggungjawaban, kecekapan dan responsif...

LANGKAH 1: PERANCANGAN AWAL

Bahagian 1: Perancangan

Sebelum memulakan sesuatu projek penyertaan rakyat (PPP), berikut adalah persoalan-persoalan yang patut difikirkan dan dijawab oleh anda dan kumpulan anda:

1. Objektif

- ▶ Apakah objektif yang ingin dicapai daripada projek ini?
- ▶ Bagaimana objektif tersebut dapat dilaksanakan dalam proses PPP? Adakah semua yang terlibat jelas tentang projek ini?
- ▶ Apakah outcome atau hasil yang diharapkan dari projek tersebut? Adakah ia memberi jawapan kepada keperluan-keperluan komuniti anda? Adakah ia mesra gender?

2. Struktur dan Pemilikan (*Ownership*)

- ▶ Siapa yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan dan membuat susulan pada setiap langkah-langkah untuk projek tersebut?

3. Sumber-sumber Bajet

- ▶ Berapakah jumlah peruntukkan yang ada? Dari mana sumber peruntukkan tersebut?
- ▶ Adakah ia sebahagian dari peruntukkan bajet anda ataupun sumber lain? Jika ianya peruntukkan tambahan, dari manakah sumbernya dan adakah ia mencukupi?

4. Sumber Manusia

- ▶ Siapakah yang akan melaksanakan projek tersebut? Adakah cukup orang (yang terlatih) dalam kumpulan anda untuk menjalankan inisiatif PPP? Adakah mereka mempunyai kefahaman untuk menjalankan projek tersebut?
- ▶ Selain itu, siapakah yang boleh membantu anda memberi latihan untuk melaksanakan projek ini?
- ▶ Siapakah rakan kongsi komuniti atau tempatan anda yang lain? Bagaimana mereka akan terlibat dalam projek ini?

5. Jangkaan/ Harapan

- ▶ Apakah harapan anda untuk projek tersebut? Apakah jangkaan pihak rakan kongsi komuniti dan kumpulan anda?

- ▶ Adakah anda jelas tentang bagaimana untuk menyampaikan harapan anda di samping memenuhi jangkaan/ harapan komuniti dan rakan kongsi yang lain?

Tip:

- ✓ Bersedia untuk mengadakan bengkel latihan **membina kapasiti** pasukan anda. Pastikan kumpulan anda faham akan proses PPP.
- ✓ Jangan ragu-ragu untuk **melibatkan komuniti anda** untuk mendapatkan idea dan pendapat mereka. Ingatkan pasukan anda bahawa proses PPP boleh mengambil masa. Tidak perlu terburu-buru.

Bahagian 2: Maklumkan dan bincang dengan komuniti dan rakan kongsi yang lain

Langkah berikutnya ialah memaklumkan dan mendapatkan maklum balas komuniti tentang harapan, rancangan dan jangkaan anda terhadap mereka. Jika inisiatif PPP tersebut melibatkan **komuniti yang besar**, anda boleh mengadakan mesyuarat komuniti terbuka, dengan kerjasama rakan kongsi di tempat anda. Walau apapun cara anda mengaturkan mesyuarat atau perhimpunan dengan komuniti, langkah ini adalah amat penting untuk menyediakan mereka.

Semasa mesyuarat atau perhimpunan dengan komuniti anda, jangan lupa lakukan perkara berikut:

- ▶ **Hendaklah jelas dan terangkan** matlamat-matlamat, proses, peruntukan bajet, kekangan yang ada, jangka masa projek dan tanggungjawab serta ketelusan setiap pihak yang terlibat.
- ▶ **Kongsikan harapan anda berkenaan penglibatan komuniti** supaya mereka akan melibatkan diri dalam semua langkah yang seterusnya: pemetaan komuniti, pengutamaan keperluan, membantu merancang respon dan memantau kejayaan.
- ▶ **Galakkan komuniti anda** bahawa apa yang anda cari adalah sumbangan dan penglibatan kesemua suara-suara dalam komuniti serta rakan kongsi dan pihak berkepentingan termasuk wanita, belia, orang tua, orang kurang upaya (OKU), dan sebagainya.



Dapatkan penerimaan komuniti anda seawal mungkin untuk penglibatan dan kepimpinan komuniti yang lebih luas, memang inilah sebenarnya inisiatif GRPB!

LANGKAH 2: PEMETAAN KOMUNITI, MENGENAL PASTI DAN MENYENARAI UTAMA KEPERLUAN KOMUNITI

Langkah ini memberi makna mendalam kepada pendekatan PPP di mana wanita, lelaki dan kanak-kanak mengenal pasti dengan sendiri apa keperluan mereka yang secara langsung menunjukkan 'kumpulan berlainan, keperluan berbeza'. Sebagai contoh, buku panduan ini akan menerangkan tiga kaedah untuk langkah ini: (1) Banci (2) Kumpulan Tumpu Bincang dan (3) Undi Keperluan. Anda boleh menggunakan kaedah tersebut secara berasingan atau berpasangan dengan kaedah yang lain. Contohnya, anda boleh buat banci dan kum-

pulan tumpu bincang; atau kumpulan tumpu bincang dengan undi keperluan.



Contoh proses dalam projek penyertaan rakyat.

Kaedah 1: **BANCI**

Siapa komuniti anda? Bagaimana untuk mengetahui komuniti anda dengan lebih baik? Sanggup menyertai satu proses penyertaan yang berterusan. Galakkan penglibatan langsung, perbualan secara bersemuka ataupun berkumpul bersama komuniti anda.

Untuk memastikan penyertaan yang lebih baik dari kumpulan berlainan dalam komuniti, anda perlu jelas tentang siapa yang tinggal dalam komuniti anda, atau siapakah pengguna atau pengguna berpotensi. Apa isu-isu atau masalah atau keperluan mereka? Anda juga boleh bertanya cara untuk menanganinya melalui soalan dalam banci.

Berikut adalah kombinasi cara-cara berlainan untuk anda membuat pemetaan komuniti:

- ▶ **Kaji selidik isi rumah:** Pergi dari rumah ke rumah untuk mendapatkan maklumat tentang nama, umur, pendidikan, mobiliti, pekerjaan dan lain-lain maklumat kesemua ahli isi rumah tersebut. Apa isu-isu, masalah atau keperluan yang mereka ingin suarakan? Apakah cadangan dan penyelesaian yang mereka fikirkan?

Komuniti anda boleh terlibat sama membantu mengenal pasti komuniti anda dengan lebih baik kerana mereka mengenali jiran-jiran mereka.

(Komuniti yang telah menggunakan kaedah ini: PPR Ampangan, PPR Sungai Pinang dan Kampung Sungai Chenaam.)

- ▶ **Menggunakan informan utama:** Bekerjasama dengan rakan kongsi yang lain untuk mendapatkan maklumat mengenai komuniti anda berdasarkan jangkaan yang ingin dicapai.

(Kaedah ini telah digunakan dalam Projek Penyertaan Rakyat Machang Bubuk 'Duit Kita, Hak Kita' di mana Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen telah bekerjasama dengan 17 JKKK.)


Walau apa juga kaedah yang anda gunakan untuk melakukan pemetaan komuniti anda, berikut adalah pertimbangan yang perlu anda lakukan:

- ▶ **Jenis pemetaan:** Yang mana satu menjadi pilihan anda: bancian penuh atau informan utama? Adakah anda telah rancang dengan berhati-hati apa jenis data yang diperlukan dari individu? Pastikan soalan-soalan atau borang soal selidik tidak terlalu panjang
- ▶ **Pemeta:** Siapa yang akan membuat pemetaan? Adakah mereka perlukan latihan? Siapa yang menganalisa data? Bolehkah anda libatkan mereka di kalangan komuniti dan rakan kongsi yang lain, khususnya wanita, dalam pemetaan? Bagaimana boleh anda lakukan semua perkara-perkara tersebut?

- ▶ **Memaklumkan kepada komuniti:** Bagaimanakah anda menyebarkan maklumat kepada komuniti tentang aktiviti tersebut? Bolehkah menggunakan peluang tersebut untuk menerangkan projek dengan lebih terperinci.
- ▶ **Kerahsiaan:** Adakah setiap orang sedar yang semua maklumat terkumpul adalah sulit dan rahsia? Bagaimana boleh anda pastikan komunikasi yang jelas kepada komuniti tentang tujuan data dikutip dan kerahsiaan mereka adalah dihormati? Komuniti perlu jelas bahawa kerahsiaan maklumat yang diperolehi dari mereka akan dijaga.

Borang Kaji Selidik

Contoh borang banci. Sekiranya anda memilih untuk membuat kaedah bancian, anda akan perlukan borang banci dan satu pasukan untuk 'menguruskan' borang banci tersebut. Mungkin boleh mengupah komuniti untuk tugas ini.



Contoh pecahan data yang boleh diperolehi daripada pemetaan yang di lakukan.

Kaedah 2: KUMPULAN TUMPU BINCANG (KTB)

Kumpulan tumpu bincang menjadi platform untuk komuniti menyuarakan isu dan keperluan mereka dalam kumpulan yang kecil dan khusus, berbanding dengan satu perjumpaan yang besar dalam komuniti. Anda boleh pertimbangkan untuk mengaturkan KTB berasingan mengikut jantina – wanita dan lelaki dan kumpulan umur yang berbeza, serta untuk wanita dan lelaki. Contohnya:

- ▶ KTB berasingan untuk lelaki/wanita dibawah 18 tahun
- ▶ KTB berasingan untuk lelaki/wanita 19 – 30 tahun
- ▶ KTB berasingan untuk lelaki/wanita 31 – 60 tahun
- ▶ KTB berasingan untuk lelaki/wanita diatas 60 tahun

Apa pun yang anda pilih, pastikan OKU dan kumpulan terpinggir yang lain turut serta, supaya kepelbagaian dalam komuniti dapat diwakili sepenuhnya. Tujuan anda ialah mencapai penyertaan yang seluas mungkin serta memastikan satu persekitaran positif untuk perkongsian idea dan pandangan. **Lihat Lampiran Dua untuk contoh jadual KTB.**

Soalan-soalan yang boleh anda tanya dalam perjumpaan KTB mengenai isu-isu dan masalah yang mereka dihadapi:

- ▶ *Apa isu-isu atau masalah yang sedang anda alami?*
- ▶ *Kumpulan mana yang banyak terjejas oleh isu-isu tersebut?*
- ▶ *Kenapa isu-isu itu timbul?*
- ▶ *Bagaimana isu-isu tersebut boleh diselesaikan?*
- ▶ *Boleh anda cadangkan satu proses untuk penyelesaian?*
- ▶ *Siapa yang akan mendapat manfaat bila isu-isu itu selesai?*

Sila lihat Lampiran Dua untuk contoh Borang KTB.

Tip: Semasa anda mengenal pasti keperluan komuniti atau projek

Sesetengah orang dalam komuniti tidak tahu apa yang sedang berlaku. Ambil sepenuhnya peluang KTB ini untuk terangkan dengan **jelas perkara yang anda ingin mereka kenal pasti**. Tetapkan **jangkaan yang realistik terhadap** hasil dari KTB bagi mengelakkan kekecewaan. Kurang penyertaan dari segi bilangan orang atau kualiti maklum balas boleh berlaku mungkin kerana tidak cukup **gerakan mobilisasi dalam komuniti anda**, ataupun mereka merasakan bahawa isu-isu mereka tidak diberikan perhatian yang sewajarnya. Secara keseluruhannya, anda perlu **beri maklum balas yang jelas** kepada komuniti anda mengenai setiap langkah PPP, dan juga tentang hasil dari setiap perbincangan KTB untuk mengelakkan keraguan terhadap

cadangan dan maklum balas yang mereka telah kemukakan. Jangan lupa raikan proses PPP melalui penglibatan dalam perayaan komuniti dan pesta tempatan ditempat anda!



Maklumat utama yang dikumpul dalam proses ini menerangkan keperluan-keperluan komuniti untuk dijadikan panduan untuk inisiatif-inisiatif perancangan program di masa hadapan.

Kaedah 3: UNDI KEPERLUAN

Undi Keperluan boleh menjadi satu proses susulan selepas soal selidik dan / atau kumpulan tumpu bincang. Ia merupakan satu cara yang membolehkan komuniti dan rakan kongsi anda mengenal pasti keutamaan mereka.

Gunakan hasil soal selidik atau proses kumpulan tumpu bincang dengan kerjasama komuniti atau rakan kongsi untuk mengenal pasti dan menyenaraikan utamakan keperluan komuniti, diikuti dengan pengundian.

Proses undi keperluan boleh dilaksanakan bersama acara-acara lain ataupun pesta bagi menggalakkan orang ramai keluar mengundi:

- Maklumat mengenai hari mengundi (undi keperluan) perlu disampaikan dengan jelas kepada komuniti. Pastikan ada peluang yang maksimum untuk komuniti dan rakan kongsi lain untuk mengambil bahagian. Pengundi adalah digalakkan untuk **mendaftar**.
- Jelas tentang proses undi keperluan: Perihal kemusyikilan dikemukakan untuk undian, yang dijalankan selama tiga hari, bagi memilih isu-isu yang paling menekan. Penduduk berumur 10 tahun ke atas dibekalkan dengan kupon kertas atau '**duit mengundi**' RM500 (dibahagi kepada 5 x RM100 kertas duit) yang mereka boleh masukkan ke dalam kotak-kotak yang mereka pilih. Setiap kotak mencerminkan program atau projek yang ingin dijalankan di komuniti tersebut.

- ▶ **Tajuk atau topik** yang akan diundi hendaklah dipamerkan dengan jelas bersama kotak-kotak undi.
- ▶ **Keputusan** dibuat oleh pengundi. Mereka boleh meletakkan sebarang jumlah daripada lima keping kupon kertas RM100 ke dalam mana-mana kotak.
- ▶ **Pengundian** dijalankan.
- ▶ **Keputusan akhir** diumumkan.

Anda bersama pasukan anda termasuk rakan kongsi yang lain hendaklah membuat susulan dengan berbincang dengan kakitangan jabatan kerajaan (tempatan) yang berkaitan berhubung pelaksanaan projek yang telah terpilih.

Contoh proses mengundi

1. Pendaftaran



2. Kupon kertas



3. Topik untuk diundi



4. Pembuatan keputusan



5. Pengundian



6. Keputusan undian

Pententukan BELANJAWAN		Jumlah Keperluan	
PE Ampangan	Jumlah Undi	Uraian	Jumlah Keperluan
	1	2	1
Amalan Rekreasi	RM22,500	RM10,000	
Operasi	RM3,000	RM1,400	
Projek Pembaikan	RM2,500	RM0,000	
Projek Bangunan	RM0,500	RM4,500	
Projek Aktivo	RM5,000	RM7,500	
Projek Persekitaran	RM2,000	RM3,000	
Projek Keluar Masuk	RM3,000		

LANGKAH 3: PELAKSANAAN PROJEK

Langkah 3 ialah berkaitan perbincangan mengenai peruntukan bajet yang terperinci berkenaan dengan keutamaan yang telah dipilih oleh komuniti anda. Had bajet hendaklah sering disampaikan dan dengan jelas kepada komuniti dan rakan kongsi anda sejak dalam *Langkah 1 – Perancangan Awal* lagi. Anda boleh gunakan peruntukan dana sendiri atau bawa hasil perbincangan untuk dibentangkan dalam sesi Dialog Bajet kerajaan (tempatan). Anda juga boleh memohon secara bertulis kepada agensi/jabatan kerajaan masing-masing untuk mendapatkan pembiayaan.

Sekarang anda perlu mengatur mesyuarat serta perbincangan dengan rakan kongsi dan putuskan apa respon yang mampu diambil, atau mana satu inisiatif yang boleh diberi sumber pembiayaan. Kerja mereka bentuk dan pelaksanaan memerlukan kerjasama pegawai dari jabatan-jabatan berkenaan (dari kerajaan tempatan atau agensi kerajaan) termasuk komuniti yang terdiri daripada wanita dan lelaki. Keterbukaan dan penglibatan dalam perbincangan termasuk maklumat bajet adalah penting untuk proses yang lebih telus dan akauntabiliti.

Selepas mengenal pasti respon dan implikasi bajet, langkah seterusnya ialah melaksanakan projek dengan penglibatan penuh komuniti anda. Dalam langkah ini, anda akan mendapati kewujudan rakan kongsi yang sedia ada di komuniti, dan lazimnya wujud kumpulan rakan kongsi baru di komuniti tersebut.

Contoh pelaksanaan projek PPP di Pulau Pinang:

- ▶ Selepas proses mengundi, **komuniti anda akan bekerjasama dengan pegawai-pegawai kerajaan (tempatan) untuk mereka bentuk satu taman permainan baru.** Proses ini menggalakkan penglibatan komuniti, memastikan ketelusan dan akauntabiliti serta membantu komuniti anda memahami perancangan bajet dan lokasi projek.
- ▶ Selepas proses mengundi, kebersihan di lokasi rumah pangsa kos rendah telah dipilih sebagai




salah satu isu utama. **Kerajaan tempatan mewujudkan kontrak pembersihan dengan persatuan penduduk yang mengambil pekerja dari kalangan penduduk setempat.** Keputusan juga telah dibuat iaitu untuk memastikan keseimbangan gender dalam pengambilan pekerja. Di sini jelas dilihat bahawa penglibatan secara langsung penduduk dalam menyelesaikan isu kebersihan dan ia juga memberi manfaat dari segi ekonomi kepada komuniti.



RINGKASAN: PROSES PROJEK PENYERTAAN RAKYAT (PPP)

Proses projek penyertaan rakyat adalah tidak sukar untuk dilaksanakan. Apa yang penting adalah untuk memastikan bahawa anda mempunyai kefahaman dan sumber (orang dan kewangan) untuk melaksanakan sesuatu projek di tempat anda.



LAMPIRAN SATU: **BORANG BANC**

Adalah sangat penting untuk anda mengenali komuniti anda jika ingin bekerjasama dengan mereka. Maka dalam pemetaan komuniti, banciaan garis dasar (*baseline*) adalah penting. Maklumat yang dikumpul melalui proses ini mungkin bergantung kepada jenis projek yang anda rancang dengan komuniti.

Di sertakan di sini dua contoh jenis borang banci bagi projek PPP yang dijalankan oleh PWDC dan rakan kongsi di Pulau Pinang.

Sampel 1: Projek Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRP): Banci PPR Jalan Sungai 2012									
No Unit Rumah: Telefon No:				Nama penolong penyelidik: Tarikh:					
No	Nama	Hubungan	Jantina	Umur	Status kahwin	Etnik	Pendidikan	Pekerjaan	OKU (√)
1*									
2									
3									
4									
5									
6									
7									
8									

** Responden yang ditemubual*

Nota tambahan _____

Sampel 2

BORANG BANCIAN

PROJEK *GENDER RESPONSIVE & PARTICIPATORY BUDGETING (GRPB)*

Banci Penduduk Kampung Sungai Chenaam, Nibong Tg Tebal



MAKLUMAT ASAS WARIS / PENJAGA (KETUA KELUARGA)

Borang ini hendaklah diisi dengan maklumat ketua keluarga yang bertanggungjawab menanggung / menjaga ahli-ahli isi rumah dan tinggal di kediaman ini

(A) MAKLUMAT PERIBADI

1. No. KP (*Baru*) : No. KP (*Lama*) :
2. Nama Penuh :
3. Alamat :
4. Tel Rumah : 5. Tel Bimbit :
6. Email : 7. Lama menetap di Pulau Pinang :
8. Bangsa : 9. Bil Anak : Lelaki Perempuan
10. Warganegara : Malaysia Bukan Warganegara Malaysia :

(B) SUMBER PENDAPATAN

1. Pekerjaan :
2. Sektor : Kerajaan Swasta Sendiri / Berniaga Tidak Bekerja
3. Jumlah Pendapatan : RM 5. Jumlah Perbelanjaan : RM
(isi rumah) (isi rumah)

(D) MAKLUM BALAS

Sila nyatakan tiga (3) isu di kawasan anda yang melibatkan perkhidmatan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MSP), seperti Kebersihan, Keselamatan lalu lintas, Penguatkuasa undang-undang, Kawalan banjir, Pengindahan, Kebijaksanaan, Kemudahan awam dan Penglibatan komuniti dalam kebersihan (kitar semula).

1	
2	
3	

(muka depan)

(C) MAKLUMAT ISI RUMAH

Bil	Nama	Jantina	Umur	Status Perkahwinan	Pendapatan	Pendidikan	Pekerjaan	OKU	Sila Nyatakan
								✓	

(E) UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

Nama Pembancal	<input type="text"/>	Tarikh Bancian	<input type="text"/>	Masa Bancian	<input type="text"/>
Nama Pemasukan Kekod	<input type="text"/>	Tarikh Memasukan Kekod	<input type="text"/>	Tanda tangan	<input type="text"/>

Zakat Pulau Pinang
No.4 Jalan Perda Selatan,
Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
Tel. 04-549 8088 Faks . 530 6466
www.zakatpinang.com



Untuk pertanyaan & maklumat lanjut, sila hubungi pasukan Bajet Responsif Patisipatori Gender

www.grb-pwkc.org.my
mohd.yusri@grb-pwkc.org.my
012-519 7950 / 04- 261 2833tingkat
47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang

(muka belakang)

LAMPIRAN DUA: KUMPULAN TUMPU BINCANG (KTB)

Anda boleh bahagikan kepada beberapa kumpulan mengikut umur, jantina, mobiliti atau lain-lain ciri sesuai. Pilih jadual yang sesuai untuk kumpulan yang anda akan jumpa: boleh jadi pada awal pagi, tengahari atau pun malam.

No.	Kumpulan	Tarikh	Masa
1.	Wanita dan Lelaki (Warga Emas)		
2.	Wanita 19 – 30 tahun		
3.	Wanita 18 tahun kebawah		
4.	Lelaki 18 tahun kebawah		
5.	Lelaki 19 – 30 tahun		
6.	Kanak-kanak 5 dan 6 tahun		
7.	Wanita 31 – 60 tahun		
8.	Lelaki dan Wanita OKU		
9.	Lelaki 31 – 60 tahun		

Perbincangan KTB adalah salah satu cara yang penting untuk mendapatkan maklumat dari 'suara-suara' yang berbeza dalam masyarakat. Dengan merujuk kepada kumpulan yang berbeza daripada komuniti, anda akan lebih memahami 'keperluan yang berbeza bagi kelompok yang berlainan'.

Di sertakan di sini dua contoh jenis borang KTB bagi projek PPP yang dijalankan oleh PWDC dan rakan kongsi di Pulau Pinang.

**Template 1: KUMPULAN TUMPU BINCANG (KTB)
 'Duit Kita Hak Kita', Machang Bubuk**



Kumpulan sasaran: Nama fasilitator: Nama pencatit Nota: Peserta yang hadir (bil):	Tarikh / Masa / Tempat
Isu / Keperluan	Cadangan / Cara Mengatasi
1.	
2.	
3.	
4.	
5.	
6.	
7.	
8.	
9.	

Template 2: KUMPULAN TUMPU BINCANG (KTB)

Kampung Sungai Chenaam, Nibong Tebal



✓ Sila tandakan ()

1. Kelompok Lelaki 18 tahun ke bawah ()
2. Kelompok Perempuan 18 tahun ke bawah ()
3. Kelompok Lelaki 19 – 30 tahun ()
4. Kelompok Perempuan 19 – 30 tahun ()
5. Kelompok Lelaki 31 – 60 tahun ()
6. Kelompok Perempuan 31 – 60 tahun ()
7. Kelompok Lelaki & Perempuan Warga Emas ()
8. Kelompok Perempuan dan Lelaki OKU ()

Bil	Isu / Masalah	Punca / Sebab-sebab	Cara Mengatasi	Proses-proses yang perlu dilakukan
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				

GLOSARI

Kitaran Bajet: Proses tahunan (bulan demi bulan) untuk bajet dirumus, diluluskan, diterima, dilaksana dan diaudit.

Diskriminasi: Melayan seseorang secara tidak adil atau tidak saksama kerana bangsanya atau umur, jantina atau lain-lain sifatnya.

Peluang Setara: Memastikan tiada diskriminasi terhadap mana-mana kumpulan dalam mendapatkan/mewujudkan peluang-peluang untuk mengambil bahagian dalam sebarang aspek kehidupan politik, sosial, budaya dan ekonomi.

Gender: Set tertentu ciri-ciri budaya yang mengenal pasti punca tingkah laku sosial wanita dan lelaki serta hubungan di antara mereka. Tanggapan 'gender' adalah satu gagasan sosial dan oleh itu berubah mengikut lokasi, budaya dan masa. Sama seperti konsep kelas, bangsa dan etnisiti, gender juga adalah alat untuk menganalisa dan memahami proses-proses sosial.

Analisis Gender: Satu cara sistematik melihat kepada peranan-peranan wanita dan lelaki yang berbeza dalam sebarang aktiviti, institusi atau dasar dan bagaimana impak berbeza terhadap wanita dan lelaki. Analisis gender menanyakan soalan-soalan berhubung kuasa, kawalan, akses, penilaian, penyertaan dan manfaat. Analisis gender mencari pemahaman sama ada, bagaimana dan kenapa aktiviti atau situasi tertentu memberi kesan dan impak berbeza kepada lelaki dan wanita, dengan pandangan tersirat untuk mengesyorkan perubahan-perubahan dasar serta sikap supaya kesaksamaan gender lebih mudah tercapai.

Kesedaran Gender: Pemahaman bahawa terdapat perbezaan yang ditentukan secara sosial antara wanita dan lelaki berdasarkan tingkah laku yang dipelajari, yang mana menjejaskan keupayaan mereka untuk mengakses dan mengawal sumber. Ini dihubungkan pula dengan analisis gender di mana kita menterjemahkan kesedaran kepada tindakan bagi perubahan positif.

Kesaksamaan Gender: Keadaan yang memastikan peluang, perlindungan, akses dan kawalan yang setara terdapat untuk wanita dan lelaki. Kesaksamaan gender bermakna keadaan yang sama wujud untuk wanita dan lelaki untuk merealisasikan potensi mereka sepenuhnya untuk menyumbang kepada pembangunan negara, politik, ekonomi, sosial dan budaya, dan mendapat manfaat daripada hasil-hasilnya. Kesaksamaan gender bermakna tidak ada diskriminasi terhadap mana-mana jantina, sama ada dalam undang-undang atau amalan.

Mengarusperdanakan Gender: Mengarusperdanakan gender menekankan keperluan untuk menggabungkan perihai dan matlamat gender sebagai sebahagian pokok dari kerja dan cita-cita kita, dan bukannya menghadkannya di

ketepian atau silo 'khas'. Ia menekankan pentingnya mempertimbang dan dan menyertakan perihal, pengalaman dan sumbangan wanita dan lelaki dalam reka bentuk, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian semua dasar dan program-program dalam semua bidang politik, ekonomi dan masyarakat sebagai asas kepada matlamat keseluruhan keadilan sosial dan kesaksamaan gender.

Bajet Responsif Gender (GRB): Satu proses bajet dan peruntukan yang menggabungkan perspektif dan analisis gender untuk memastikan impak yang berbeza daripada bajet terhadap keperluan wanita dan lelaki difahami dan dirancang.

Bajet Berasaskan Outcome (OBB): Juga dipanggil Pembajetan Prestasi, ia bertujuan meningkatkan keberkesanan dan kecekapan perbelanjaan awam dengan menghubungkan pembiayaan organisasi sektor awam kepada hasil yang mereka capai. Ia menggunakan maklumat prestasi sistematik (petunjuk outcome, output, input, aktiviti, pemantauan, penentuan kos dll) untuk membina hubungan ini. Impak pembajetan prestasi boleh dirasa dalam penyusunan keutamaan yang lebih baik dan dengan itu menyasarkan perbelanjaan, dan dalam keberkesanan perkhidmatan yang lebih baik dan/atau kecekapan. Matlamat dan perancangan GRPB boleh dengan mudah digabungkan dalam Bajet Berasaskan Outcome.

Partisipasi: Matlamat dan proses yang mana merangkumkan orang ramai dalam satu aktiviti, termasuklah reka bentuk, pelaksanaan dan penilaian sebarang inisiatif. Ia adalah salah satu prinsip tadbir urus baik. Partisipasi membawa maksud terdapat kelebihan dalam melibatkan wanita dan lelaki melahirkan dengan lebih jelas keperluan dan minat mereka serta terlibat sama dalam mencari penyelesaiannya. Tanggapan partisipasi mencabar sebarang amalan yang memperkecilkan orang ramai kepada penerima yang pasif dan disisihkan dari pembuatan keputusan termasuklah keputusan-keputusan bajet.

Jantina: Jantina menerangkan perbezaan biologi atau pembiakan antara lelaki dan wanita.

Data Pecahan Jantina: Ini merujuk kepada pengumpulan dan pengasingan statistik dan data (contohnya mengenai pendidikan, bilangan pekerja, pemilikan perniagaan, dll) mengikut jantina untuk mengasingkan bilangan yang berbeza untuk lelaki dan wanita serta membuat perbandingan antara keduanya. ini akan memberi kejelasan kepada, contohnya, sektor masyarakat yang mana wanita dan lelaki bekerja, atau perkhidmatan mana yang mereka gunakan. Data pecahan jantina menjadi pra-syarat untuk perancangan yang berketerangkaman gender.

Keadilan Sosial: Keadilan dan kesaksamaan sebagai hak untuk semua dalam hasil pembangunan, melalui proses-proses transformasi sosial.

BERSAMA MEREALISASIKAN KESAKSAMAAN

Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) adalah sebuah agensi yang dibiayai kerajaan negeri yang ditubuhkan pada Januari 2012. Sejak penubuhannya, PWDC telah memainkan peranan penting sebagai agensi utama yang berusaha ke arah mengarusperdanakan kesaksamaan gender, keterangkuman sosial dan tadbir urus baik dalam semua sektor di Pulau Pinang. PWDC telah mencapainya dengan bekerjasama dengan rakan kongsi strategik untuk merancang dan melaksanakan projek-projek responsif gender, meningkatkan kesedaran awam tentang isu gender, dan membina kapasiti dikalangan individu, organisasi dan komuniti.

Sejak permulaannya, satu projek mercu tanda utama PWDC ialah projek Bajet Responsif Gender (GRB), yang kemudiannya ditukar nama kepada *Gender Responsive and Participatory Budgeting* bagi menekankan sifat penyertaan dalam prosesnya. Inisiatif ini telah dijalankan dengan sokongan dan secara perkongsian dengan dua majlis tempatan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)

Dalam program GRPB, beberapa inisiatif khusus telah berjaya dirancang dan dilaksanakan, termasuk inisiatif GRPB dan projek-projek berterusan di PPR Ampangan, PPR Jalan Sungai, Kampung Sungai Chenaam, Machang Bubok, Pasar Lebu Campbell, Projek Turnkey Sungai Pinang, Projek-projek Sungai MBPP, Taman Tunku Seberang Jaya, Taman Kejiranan Kenari di Sungai Ara, Perpustakaan Awam Taman Tun Sardon di Gelugor. Pada masa yang sama PWDC telah aktif dalam melatih kakitangan kerajaan tempatan dalam proses-proses gender, bajet dan GRPB. Memperlihatkan sumbangan penting dan inovatif oleh GRPB Pulau Pinang, kami telah menganjurkan Persidangan Serantau Asia 2014 bertajuk "Naratif Bajet Responsif Gender: Transformasi Institusi, Memperkasa Komuniti".

Telah dipersetujui bahawa peringkat penting seterusnya dalam pelaksanaan GRPB di Pulau Pinang adalah penginstitutasiannya. Sekiranya kerajaan tempatan mampu gabungkan GRPB ke dalam perancangan, bajet dan pengaturcaraan mereka, maka masa depan untuk tadbir urus yang responsif, partisipatori, cekap dan berketerangkuman akan berubah menjadi lebih baik, di mana kehidupan wanita dan lelaki di negeri kita akan amat sangat dipertingkatkan. Kami percaya bahawa pemimpin-pemimpin utama dalam komuniti seperti Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), persatuan dan NGO boleh mendapat manfaat dari pendekatan ini. Outcome atau hasilnya boleh dibawa ke Dialog Bajet kerajaan tempatan. Buku panduan ini yang ditujukan kepada peringkat komuniti merupakan satu langkah ke arah ini..



Bajet penting kerana ia memutuskan bagaimana kerajaan mendapat dan menggunakan sumber awam. Bajet digunakan untuk membentuk dasar, keutamaan dan memberi makna kepada keperluan rakyat dari segi ekonomi dan sosial...

Untuk maklumat lanjut mengenai PWDC dan usahanya,
sila hubungi:

Penang Women's Development Corporation

Level 47, KOMTAR, 10503, Pulau Pinang, Malaysia

T: +(604) 261 2835/ 261 5261, F: +(604) 261 2839

E: info@pwdc.org.my

W: pwdc.org.my

